



Good food, Good life

Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 2 November 2021

Nestlé Malaysia Catatkan Perolehan & Untung Selepas Cukai Lebih Tinggi Pada S3

Walaupun Menghadapi Pelbagai Kekangan Operasi Dalam Suasana Pandemik

SOROTAN PENTING

- Perolehan meningkat 3.6% kepada RM1.44 bilion pada S3 2021, berasaskan pertumbuhan jualan kukuh di pasaran domestik dan juga eksport.
- Perniagaan domestik mencatatkan pertumbuhan 3.4%, walaupun dihimpit kesan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) terhadap aktiviti Di Luar Rumah (OOH) dan sekatan kapasiti operasi untuk sebahagian besar daripada S3 2021.
- Untung selepas cukai meningkat 15.3% kepada RM148 juta pada S3 2021, terutamanya disokong kesan pengganda daripada pertumbuhan yang dicatatkan, serta perbelanjaan lebih rendah di bawah PKPD, walaupun perlu menangani kenaikan harga komoditi.
- Dividen interim kedua sebanyak RM0.70 sesaham diisytiharkan.

Petaling Jaya, 2 November 2021 - Nestlé (Malaysia) Berhad mencatatkan prestasi lebih menggalakkan bagi suku ketiga berakhir 30 September 2021, disokong oleh permintaan yang kukuh dalam perniagaan F&B teras dan juga pasaran eksport. Sepanjang S3, Kumpulan terus mengutamakan keselamatan kakitangan dan rakan perniagaan sambil menjamin kesinambungan bekalan walaupun menghadapi sekatan operasi COVID-19 (iaitu had tenaga kerja 60% di kilang).

Penilaian Prestasi (Suku 3, 2021 berbanding Suku 3, 2020)

Perolehan bagi suku tahun yang dilaporkan meningkat sebanyak 3.6% kepada RM1.44 bilion daripada RM1.39 bilion pada suku tahun sebelumnya. Kejayaan ini dicapai berasaskan pertumbuhan jualan yang mantap di pasaran domestik dan juga eksport, masing-masing mencatatkan kenaikan 3.4% dan 4.5%, dipacu oleh perniagaan F&B Kumpulan yang menjana pertumbuhan 5.5% pada S3 2021. Kejayaan ini dicapai walaupun dihimpit kesan PKPD pada S3 2021, yang menjejaskan lagi perniagaan OOH di bawah Nestlé Professional.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé Malaysia Berhad berkata, "Berkat kecekalan dan usaha gigih pasukan-pasukan kami, Kumpulan berjaya mencatatkan

prestasi suku tahun yang memberangsangkan walaupun menghadapi pelbagai sekatan operasi. Kami telah mengendalikan operasi dengan selamat dan terus memastikan bekalan dapat memenuhi permintaan kukuh bagi jenama-jenama kami, di samping meningkatkan inovasi produk dan menggiatkan langkah-langkah pemuliharaan alam sekitar.”

Pada S3, Kumpulan mempelopori beberapa inovasi produk menarik termasuk NESCAFÉ Sedia Diminum Edisi Terhad (Gula Melaka, Pandan dan Ros Bandung), *NESCAFÉ Ice Caffé Latte*, *KIT KAT Chunky Raisin & Cookie* dan Aiskrim NESTLÉ Onde Onde. Usaha mengembangkan jenama produk berasaskan tumbuhan HARVEST GOURMET dan minuman MILO dan NESCAFÉ Tanpa Susu diteruskan, manakala pelancaran Teh LIVELY di seluruh negara semakin mendapat perhatian.

Untung Sebelum Cukai dan Untung Selepas Cukai masing-masing meningkat kepada RM207.6 juta dan RM148.0 juta pada S3 2021. Kenaikan ini didorong terutamanya oleh hasil lebih tinggi dan juga perbelanjaan pemasaran lebih rendah, memandangkan aktiviti pemasaran terjejas oleh PKPD yang berkuat kuasa pada S3 2021, berbanding S3 2020 di mana sekatan mula dilonggarkan semasa PKP Pemulihan. Tahap keuntungan lebih tinggi diimbangi sedikit sebanyak oleh harga komoditi lebih tinggi dan perbelanjaan berkaitan COVID-19 yang agak besar pada S3 2021, disebabkan kos program saringan antigen COVID-19 yang dijalankan secara berterusan oleh Kumpulan, bekalan peralatan perlindungan diri untuk kakitangan dan langkah-langkah keselamatan COVID-19 lain untuk memastikan pengawalan dan pencegahan jangkitan di tempat kerja.

Penilaian prestasi: Sehingga tarikh semasa 2021 berbanding tempoh yang sama 2020

Untuk sembilan bulan pertama berakhir 30 September 2021, Perolehan Kumpulan meningkat sebanyak 5.6% kepada RM4.27 bilion, daripada RM4.04 bilion pada tempoh yang sama tahun lepas. Pencapaian ini dipacu terutamanya oleh jualan domestik yang meningkat 6.3%, berlandaskan pertumbuhan 6.2% dalam perniagaan F&B runcit.

En. Aranols menambah, “Pertumbuhan keuntungan dan jualan kami untuk tempoh sembilan bulan pertama tahun ini mencerminkan daya tahan perniagaan dan operasi kami. Keutamaan kami tetap sama, pertama sekali untuk memastikan keselamatan semua kakitangan dan rakan perniagaan, serta menjamin kesinambungan bekalan kepada pelanggan kami. Selain daripada itu, kami kekal komited untuk membekalkan produk yang lazat, bermutu tinggi dan berkhasiat yang terus memenuhi keperluan dan jangkaan pengguna yang sentiasa berubah dengan baik.”

Kumpulan mencatatkan Untung Sebelum Cukai lebih tinggi berjumlah RM605.0 juta untuk tempoh sembilan bulan pertama tahun yang dilaporkan, iaitu kenaikan 8.5% berbanding tempoh yang sama tahun lepas, manakala Untung Selepas Cukai meningkat sebanyak 8.9% kepada RM457.7 juta. Pertumbuhan ini dicapai terutamanya berbekalkan jualan lebih tinggi dan perbelanjaan pemasaran lebih rendah, yang sedikit

sebanyak perlu menampung harga komoditi lebih tinggi dan juga perbelanjaan besar yang ditanggung berkaitan pencegahan COVID-19, yang berjumlah kira-kira RM65 juta untuk tahun berakhir ini.

Sejajar dengan komitmen Kumpulan untuk menjana nilai bagi para pemegang saham, Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan dividen interim kedua RM0.70 sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021, sama seperti dividen interim kedua.

“Tatkala menunjukkan prestasi yang mantap, Kumpulan terus memberikan sokongan kepada komuniti yang paling terjejas. Menyedari kesukaran yang dihadapi oleh masyarakat memerlukan pada masa ini, kami terus menghulurkan bantuan menerusi pelbagai inisiatif. Sebagai sebahagian daripada usaha ini, kami baru-baru ini berganding bahu dengan sebuah pertubuhan bukan kerajaan tempatan untuk mengedarkan lebih daripada 20,000 pek pemakanan untuk menyantuni keluarga B40. Kempen MAGGI Sah Malaysia kami, yang meraikan ikatan erat selama 50 tahun dengan rakyat Malaysia, turut menyumbang 50,000 pek makanan kepada masyarakat B40. Sumbangan makanan kami juga amat besar. Secara keseluruhan, kira-kira RM10 juta telah diperuntukkan bagi inisiatif bantuan kemasyarakatan setakat ini pada 2021.”

Tinjauan

Meninjau tempoh yang mendatang, En. Aranols berkata, “Kami tetap yakin dengan potensi Malaysia dalam tempoh terdekat. Memandangkan program pemvaksinan telah mengatasi 90% daripada penduduk dewasa negara, kami berharap ekonomi Malaysia akan terus pulih pada bulan-bulan akan datang.”

“Kami meneruskan usaha mencapai kelestarian pada 2021, dan akan menggiatkan lagi inisiatif pada 2022. Kami mempercepatkan peralihan kepada masa depan tanpa bahan buangan dan telah meluaskan program Kutipan dan Kitar Semula Pintu ke Pintu ke beberapa bandar raya baharu untuk melibatkan penyertaan lebih ramai penduduk. Pada S4 2021, kami juga menggiatkan aktiviti penanaman di bawah Projek RELeaf, seiring dengan pelonggaran sekatan pandemik pada bulan-bulan akan datang, dalam menunaikan janji kami untuk menanam 3 juta pokok menjelang 2023.

“Satu cabaran penting yang dihadapi pada suku keempat tahun ini ialah kos komoditi makanan yang semakin meningkat. Kami meramalkan kesan yang lebih besar pada bulan-bulan seterusnya, terutamanya pada 2022.”

“Namun begitu, kami yakin bahawa kami akan dapat mengekalkan momentum positif dan sekali lagi mencatatkan keputusan kukuh pada tahun 2021,” rumus En. Aranols.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan

kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: +603 7965 6456

Bimbit: +6012 235 6865

E-mel: Shaheen.MohamedZaffar@my.nestle.com

Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

Bimbit: +6017-237 9048 (Yasmin)

E-mel: acorncommunications@acornco.com.my